

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan ke atas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang melanggar perintah kuarantin sendiri dan tindakan yang akan dikenakan terhadapnya supaya semua rakyat tahu Menteri tidak mendapat layanan antara dua darjat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, pihak PDRM telah menerima sebanyak 27 laporan polis ke atas YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang didakwa tidak menjalani kuarantin selepas balik dari luar negara. Siasatan telah dijalankan bersabit Sri Petaling Repot 5634/2020 bertarikh 19 Ogos 2020 di bawah Seksyen 22 (b) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara yang mempunyai bidang kuasa mutlak untuk keputusan selanjutnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YB Menteri berkenaan juga telah membayar sejumlah kompoun yang dikenakan ke atas beliau.